“(8) Jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar oleh mana-mana orang kena cukai selepas hari terakhir yang ia genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang kena cukai hendaklah membayar—

- (a) bagi tempoh tiga puluh hari yang pertama yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti sebanyak lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar;
- (b) bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar; dan
- (c) bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar, tertakluk kepada penalti maksimum sebanyak dua puluh lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (11), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (8)(c).

(10) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa mana-mana orang kena cukai yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (7) hendaklah membayar penalti sebagaimana yang ditentukan dalam subseksyen (8).

(11) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan terhadap orang kena cukai yang telah membayar amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang ditentukan dalam subseksyen (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (8).”.

Pindaan seksyen 43

50. Seksyen 43 Akta ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “dan penalti di bawah subseksyen 41(8), jika ada,”; dan
- (b) dalam subseksyen (8), dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “dan penalti, jika ada,”.

Pindaan seksyen 51

51. Seksyen 51 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika cukai dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti di bawah subseksyen 41(8) hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran itu.”.

Pindaan seksyen 69

52. Subperenggan 69(5)(c)(ii) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “venturer” dengan perkataan “venture operator”.

Pindaan seksyen 70

53. Seksyen 70 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Berhubung dengan barang yang telah diimport dan dideposit dalam gudang dan yang baginya cukai boleh dikenakan ke atas barang diimport, hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Penggudangan” yang membenarkan—

- (a) cukai yang boleh dikenakan ke atas barang diimport digantung apabila barang diimport itu dideposit dalam gudang;
- (b) pembekalan barang yang dibuat antara gudang tidak diambil kira; dan
- (c) pembekalan barang yang dibuat dalam gudang tidak diambil kira kecuali pembekalan barang terakhir yang dipindahkan sebelum peringkat duti.”.

Pindaan seksyen 86

54. Subseksyen 86(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “112(1)” dengan perkataan “105(2)”.

Pindaan seksyen 94

55. Perenggan 94(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “untuk memungut apa-apa cukai” perkataan “atau penalti”.

Pindaan seksyen 122

56. Subseksyen 122(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “atau apa-apa penalti”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dan cukai” perkataan “atau penalti”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986

57. Bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2

58. Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut sebagai Akta ibu dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan selepas takrif “aktiviti pertanian bersepadu” takrif yang berikut:

“cukai input” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

“cukai output” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;’.

Seksyen baru 29p dan 29q

59. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29o seksyen yang berikut:

“Penentuan perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran galakan yang tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan bagi elaun cukai pelaburan

29p. Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27I, 27J, 27K, 27M atau 27N telah melakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), 29A(3)(b), (c) atau (d), 29AA(3)(b), 29B(2)(b), 29D(2)(b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29J(2)(b), 29K(2)(b),

29L(2)(a)(ii), 29L(3)(a)(ii), 29L(4)(a)(ii), 29L(5)(a)(ii), 29L(6)(a)(ii), 29N(3)(b) atau 29O(3)(b), perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat hendaklah tidak termasuk apa-apa amaun yang telah dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh syarikat itu sekiranya syarikat itu bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat demikian, atau sekiranya syarikat itu layak untuk mengkredit amaun cukai input di bawah Akta itu.

Pelarasan perbelanjaan modal yang dilakukan yang tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan

29Q. (1) Jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal di bawah Akta ini dan perbelanjaan modal itu tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dibuat berkenaan dengan cukai input bagi suatu tempoh yang dinyatakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun perbelanjaan itu bagi aset itu hendaklah dilaraskan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat.

(2) Dalam keadaan pelarasan bagi amaun perbelanjaan modal yang dibuat di bawah subseksyen (1) menghasilkan—

- (a) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan menjadi sebahagian perbelanjaan modal yang dilakukan bagi maksud Akta ini dan tertakluk kepada seksyen 29, 29A, 29B, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H, 29J, 29K, 29L dan 29O hendaklah diberi kepada syarikat itu bagi suatu tahun taksiran suatu elaun berkenaan dengan amaun tambahan itu; atau
- (b) suatu amaun yang dikurangkan, apa-apa amaun elaun yang tidak sepatutnya diberi di bawah Akta ini berbangkit daripada pengurangan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada pendapatan statutori syarikat itu daripada suatu sumber yang terdiri daripada perniagaan dalam tempoh asas pelarasan itu dibuat.

(3) Walau apapun subseksyen (1), jika suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengan suatu aset, dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh pelarasan yang dinyatakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, pelarasan kepada perbelanjaan itu hendaklah dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

(4) Jika suatu pelarasan dibuat berkenaan dengan cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Ketua Pengarah boleh membuat suatu pengiraan atau pengiraan semula apa-apa elaun yang dibuat di bawah Akta ini atau amaun pendapatan statutori suatu syarikat bagi suatu tahun taksiran mengikut kaedah yang serupa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pelarasan itu dibuat atau pada bila-bila masa sebagaimana perlu untuk memberi kesan kepada pelarasan itu.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (“Akta 762”) dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (“Akta 327”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53.

Perenggan 4(a)(i) dan (ii) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 untuk memasukkan takrif baharu “input tax” dan “output tax” ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pindaan terhadap subseksyen 39(1), perenggan 67D Jadual 3, perenggan 1D Jadual 7A dan perenggan 1A Jadual 7B Akta 53 berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 4(a)(iii) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 untuk memasukkan takrif “sukuk” ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pindaan terhadap subseksyen 60I(4), subperenggan 33A(b) dan 35(b) dan perenggan 33B Jadual 6 Akta 53 berhubung dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Subfasal 4(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(8) Akta 53 untuk mengecualikan apa-apa pelupusan harta tanah di bawah skim kewangan mengikut prinsip syariah yang diluluskan atau yang dibenarkan oleh, atau diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti daripada sebutan mengenai pelupusan di bawah Akta itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) Akta 53 untuk memanjangkan kadar cukai sebanyak sepuluh peratus ke atas mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada pemegang unit yang merupakan institusi pelabur asing dan suatu pemegang unit yang bukan pemastautin bagi tempoh tiga tahun dari tahun taksiran 2016.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 53.

Perenggan 6(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan 24(1)(b) dan (c) Akta 53. Dengan pindaan ini, hutang kepada seseorang yang berbangkit daripada perkhidmatan yang akan diberikan hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar orang itu daripada suatu perniagaan. Selanjutnya, dengan pindaan ini, suatu hutang kepada seseorang yang berbangkit daripada mana-mana harta yang diguna atau dinikmati yang akan diurusniagakan hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar orang itu daripada suatu perniagaan.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 24(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa jumlah yang diterima oleh seseorang dalam tempoh yang berkaitan dalam menjalankan suatu perniagaan daripada mana-mana perkhidmatan yang akan dilakukan atau mana-mana harta yang dinikmati atau diguna yang akan diurusniagakan pada tempoh berkaitan yang berikutnya, jumlah itu akan dikira sebagai pendapatan kasar orang itu daripada perniagaan dalam tempoh berkaitan yang jumlah itu diterima sama ada atau tidak terdapat apa-apa hutang berkenaan dengan perkhidmatan atau harta.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 53.

Subfasal 7(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 25(1) Akta 53. Dengan pindaan ini, apa-apa pendapatan kasar daripada penggajian yang diterima dalam mana-mana tahun taksiran adalah cukai dalam tahun ia diterima.

Subfasal 7(b) bertujuan untuk memotong subseksyen 25(2), (2A), (3), (4) dan (5) Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 25(1) Akta 53.

Subfasal 7(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 25(6) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pendapatan yang diterima oleh seseorang pekerja yang akan meninggalkan Malaysia dianggap telah diterima bagi tempoh sebelum pekerja itu meninggalkan Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 53. Dengan pindaan ini, apa-apa tuntutan untuk potongan berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang genap masa untuk dibayar dalam tahun taksiran yang berikutnya adalah dibuat tidak lewat daripada dua belas bulan daripada berakhirnya tempoh asas bagi tahun taksiran yang wang itu genap masa untuk dibayar.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru 34(7A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika apa-apa jumlah yang telah diterima di bawah subseksyen 24(1A) yang dicukai menurut subseksyen itu dibayar balik dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran amaun itu hendaklah dipotong daripada pendapatan kasar yang berkaitan bagi seseorang yang berkaitan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 53.

Subfasal 10(c) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 39(1)(o) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh seseorang tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 53 sekiranya seseorang itu bertanggung untuk didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat demikian, atau seseorang itu berhak di bawah Akta itu untuk mengkreditkan amaun cukai sebagai cukai input.

Subfasal 10(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 39(1)(p) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai output yang telah dibayar atau kena dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh seseorang yang berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta itu adalah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 10(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 39(1)(q) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa tiada potongan dibenarkan di bawah Akta 53 ke atas apa-apa perbelanjaan perhubungan dengan apa-apa saraan atau pendapatan lain berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh penghibur awam yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109A Akta 53, jika cukai tidak dipotong mengikut seksyen itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 45A Akta 53 untuk menaikkan potongan bagi isteri menurut seksyen itu daripada tiga ribu ringgit ke empat ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53.

Subfasal 12(a) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(f) Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu daripada maksimum lima ribu ringgit kepada tujuh ribu ringgit berkenaan dengan fi yang dibelanjakan bagi apa-apa kursus pengajian dalam Malaysia sehingga ke peringkat tinggi selain peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah, bagi tujuan mendapatkan kemahiran dan kelulusan undang-undang, akaun, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi, dan bagi apa-apa kursus pengajian bagi peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah yang diambil bagi tujuan mendapatkan apa-apa kemahiran atau kelulusan.

Subfasal 12(d) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 46(1)(n) ke dalam Akta 53 untuk memasukkan suatu potongan peribadi baru sehingga amaun maksimum dua ratus lima puluh ringgit berkenaan dengan sumbangan yang dibuat atau ditanggung oleh seseorang individu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 12(d) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan suatu perenggan baru 46(1)(o) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu potongan peribadi baharu bagi seseorang individu bagi amaun satu ribu lima ratus ringgit bagi setiap ibu atau bapa tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah perenggan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2020.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 53 untuk menaikkan amaun potongan bagi isteri dan jumlah keseluruhan bagi potongan kepada seseorang isteri dan bekas isteri daripada tiga ribu ringgit kepada empat ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 53.

Fasal 14(a) bertujuan untuk meminda perenggan 48(2)(a) Akta 53 untuk menaikkan amaun potongan berkenaan dengan kanak-kanak yang belum berkahwin di bawah seksyen itu, selain kanak-kanak yang kurang upaya secara fizikal atau mental, daripada seribu ringgit kepada dua ribu ringgit.

Subfasal 14(b) dan *(c)* bertujuan untuk meminda perenggan 48(3)(a) Akta 53. Pindaan ini memperuntukkan mengenai kenaikan potongan daripada enam ribu kepada lapan ribu ringgit kepada individu yang mempunyai anak yang belum berkahwin berumur lebih daripada lapan belas 18 tahun dan suatu kenaikan bagi potongan tambahan daripada enam ribu ringgit kepada lapan ribu ringgit kepada individu yang mempunyai anak kurang upaya. Pindaan ini terpakai bagi individu itu jika anak itu melanjutkan pelajaran di mana-mana etablismen pendidikan yang diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau berkhidmat di bawah artikel atau indentur dengan tujuan untuk mendapat kelayakan dalam suatu perdagangan atau profesion.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 60i Akta 53.

Subfasal 15(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 60i(1) Akta 53. Dengan pindaan itu, pemakaian seksyen 60i Akta 53 hanya terpakai bagi suatu syarikat yang menubuhkan pengantara bertujuan khas bagi pengeluaran sukuk sahaja.

Perenggan 15(b)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 60i(4) Akta 53 dengan memotong takrif “Islamic securities” berbangkit daripada kemasukan takrif “sukuk” dalam seksyen 2 Akta 53.

Perenggan 15(b)(ii) bertujuan untuk meminda takrif “pengantara bertujuan khas” dalam subseksyen 60i(4) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 83(1B) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat hendaklah mengemukakan borang retan di bawah seksyen 83 Akta 53 melalui medium elektronik atau penghantaran elektronik.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 91(6) ke dalam Akta 53 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pentaksiran atau pentaksiran yang dikurangkan pada bila-bila masa berhubung dengan pelarasan yang dibuat ke atas cukai input yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014. Pentaksiran itu dibuat bagi tempoh asas bagi tahun taksiran yang berhubungan dengan pelarasan itu atau bagi tempoh asas yang Ketua Pengarah mengetahui mengenai pelarasan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 107C(7A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat hendaklah mengemukakan anggaran atau anggaran cukai tersemak yang kena dibayar secara medium elektronik atau penghantaran elektronik.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 53.

Subfasal 19(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 112(1) Akta 53. Dengan pindaan ini, kegagalan untuk mengemukakan suatu borang retan menurut subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi mana-mana satu tahun taksiran hendaklah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 53.

Subfasal 19(b) bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru 112(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan borang retan di bawah subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi dua tahun taksiran atau lebih adalah suatu kesalahan jenayah di bawah peruntukan baharu dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada seribu ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan penalti khas sebanyak tiga kali ganda amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pembayar cukai seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah menurut pertimbangannya yang terbaik.

Subfasal 19(c) dan *(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen 112(2) dan (3) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan subseksyen baru 112(1A) ke dalam Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Subfasal 20(c)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 120(1)(h) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan butiran yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 77(4)(b) atau 77A(3)(b) Akta 53 hendaklah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 125(1) Akta 53. Dengan pindaan ini, penalti khas yang dikenakan di bawah subseksyen 112(1A), hendaklah didapatkan sebagai denda yang dikenakan semasa sabitan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda subseksyen 152A(1) untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau golongan orang hendaklah, sekiranya dikehendaki di bawah Akta ini, atau boleh, sekiranya dibenarkan oleh Ketua Pengarah, mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan di bawah Akta secara medium elektronik atau penghantaran elektronik.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

20. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 154 Akta 53. Dengan pindaan ini, Menteri diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan atau memudahkan apa-apa perkiraan yang dibuat menurut suatu perintah di bawah seksyen 132B Akta 53 dengan suatu pandangan tujuan bantuan pentadbiran bersama dalam perkara percukaian.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

21. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda Jadual 1 Akta 53.

Perenggan 24(a)(i) bertujuan untuk memperuntukkan suatu kadar cukai baharu yang hendaklah dikenakan bagi suatu tahun taksiran ke atas pendapatan yang dikenakan cukai bagi seseorang selain yang disebut dalam perenggan 1A, 2, 2A, 2D, 3 dan 4 Bahagian I Jadual 1 Akta 53 pada kadar sebanyak dua puluh lima peratus bagi setiap ringgit yang melebihi empat ratus ribu ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai, dua puluh enam peratus bagi setiap ringgit yang melebihi enam ratus ribu ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan dua puluh lapan peratus bagi setiap ringgit yang melebihi satu juta ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Perenggan 24(a)(ii) selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 1A Jadual itu untuk memperuntukkan suatu kadar cukai baharu yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang (selain suatu syarikat) yang bukan pemastautin.

Subfasal 24(b) bertujuan untuk meminda Bahagian X Jadual 1 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai ke atas apa-apa pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada pemegang unit yang bukan merupakan syarikat pemastautin dikurangkan daripada dua puluh enam peratus bagi tahun taksiran 2008 dan dua puluh lima peratus bagi tahun-tahun taksiran berikutnya kepada dua puluh empat peratus bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

22. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda Jadual 3 Akta 53.

Subfasal 25(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 2E ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan loji atau bangunan yang layak yang dilakukan oleh seseorang tidak termasuk apa-apa amaun yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh seseorang yang bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat demikian, atau sekiranya seseorang berhak untuk mengkreditkan amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 25(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 16B ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa elaun di bawah perenggan

12 dan 16 Jadual itu hendaklah dibenarkan kepada seseorang yang memiliki bangunan di bawah perenggan 37A, 37B, 37C, 37E, 37F, 37G, 37H, 42A dan 42B Jadual 3 Akta 53 dan menggunakannya bagi tujuan perniagaannya sebagai bangunan industri.

Subfasal 25(c) selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 19A(3) Jadual 3 untuk menjelaskan bahawa jumlah perbelanjaan loji yang layak daripada nilai aset kecil hanya terpakai bagi syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang.

Subfasal 25(d) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 61B ke dalam Jadual 3 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana bahagian suatu aset yang terhenti digunakan bagi maksud suatu perniagaan disebabkan oleh pertukaran bahagian baru daripada suatu aset hendaklah disifatkan telah dilupuskan di bawah Jadual itu jika bahagian itu disusutnilaikan secara berasingan mengikut prinsip akaun yang diterima umum. Perbelanjaan yang layak bahagian itu akan ditentukan mengikut prinsip akaun yang diterima umum dan perbelanjaan bakian hendaklah dikurangkan dengan amaun daripada elaun permulaan dan elaun tahunan yang dibuat sebelum pelupusan bahagian aset itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 25(e) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 67D ke dalam Jadual 3 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelarasan terhadap perbelanjaan yang layak bagi sesuatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dilakukan ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada penghujung tempoh pelarasan sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta itu kecuali dalam kes pelupusan sesuatu aset. Dalam situasi itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dilakukan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

23. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta 53.

Subfasal 26(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 25D ke dalam Jadual 6 untuk memanjangkan pengecualian di bawah Jadual itu ke atas apa-apa jumlah yang diterima sebagai gratuiti atas persaraan daripada sesuatu penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau penamatan sesuatu kontrak penggajian selain yang diperuntukkan di bawah perenggan 25, 25A, 25B atau 30A Jadual itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 26(b), (c) dan (d) bertujuan untuk meminda subperenggan 33A(b) dan 35(b), dan perenggan 33B Jadual 6 untuk menggantikan perkataan “Islamic securities” dengan perkataan “sukuk” berhubung dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Sukuk yang disebut di dalam perenggan itu adalah sukuk yang diluluskan atau dibenarkan, atau diserahsimpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

24. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 3A ke dalam Jadual 7 Akta 53 berikutan dengan pemotongan subseksyen 25(4) Akta 53. Dengan pindaan ini, kaedah pembahagian yang disebut dalam perenggan 3 Jadual tersebut adalah menurut perenggan baru 3A.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

25. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda Jadual 7A kepada Akta 53.

Subfasal 28(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 1D ke dalam Jadual 7A Akta 53. Dengan pindaan ini, perbelanjaan modal yang dilakukan oleh seseorang adalah tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi gagal berbuat demikian, atau sekiranya orang itu berhak untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta itu. Apa-apa pelarasan kepada perbelanjaan modal bagi sesuatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah Akta itu kecuali dalam kes pelupusan aset. Dalam keadaan itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 28(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 2B ke dalam Jadual 7A Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa sekiranya suatu syarikat telah membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula bagi tempoh lima belas tahun taksiran berturut dan tuntutan itu tamat sama ada pada tahun sebelum tahun taksiran 2015, tahun taksiran 2015, 2016 atau 2017, syarikat itu berhak untuk membuat tuntutan lanjut bagi elaun pelaburan semula sehingga tahun taksiran 2018.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016, 2017 dan 2018.

Subfasal 28(c) bertujuan untuk meminda perenggan 9 Jadual 7A Akta 53 untuk memasukkan takrif bagi “automating”, “ceased to be used”, “diversifying”, “expanding”, “machinery”, “modernizing” dan “plant” ke dalam Akta 53, dan untuk meminda takrif “disposed of” dan “simple”.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

26. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 7B Akta 53 untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual 7B Akta 53. Dengan pindaan ini, perbelanjaan modal yang dilakukan oleh seseorang tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh seseorang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai

Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi gagal berbuat demikian, atau sekiranya orang itu berhak untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta itu. Apa-apa pelarasan kepada perbelanjaan modal bagi suatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah Akta itu kecuali dalam kes pelupusan aset. Dalam situasi itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

Pindaan ini berkuat bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

27. Bahagian II Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

28. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 543 untuk memasukkan takrif “input tax” dan “output tax” ke dalam Akta 543 berikutan pindaan kepada subseksyen 18(1) Jadual Pertama dan kemasukan perenggan 1A dan 13A ke dalam Jadual Pertama dan perenggan 2B dan 45A ke dalam Jadual Kedua, berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

29. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 543.

Perenggan 35(a)(iii) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 18(1)(p) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun yang dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh orang yang boleh dikenakan cukai tidak boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 543 jika dia bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat sedemikian, atau jika dia layak di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input.

Perenggan 35(a)(iii) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 18(1)(q) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai output yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh orang yang boleh dikenakan cukai tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta 543 jika dia berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 35(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 18(1A) ke dalam Akta 543. Dengan pindaan ini, orang yang boleh dikenakan cukai dikehendaki untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk mewajarkan tuntutan orang itu bagi potongan dalam menghasilkan pendapatan larasannya. Notis dikeluarkan oleh Ketua Pengarah mengikut seksyen 34 Akta 543 dan potongan yang dituntut oleh orang itu tidak boleh dibenarkan jika orang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk mengemukakan maklumat yang dikehendaki dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tempoh lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

30. *Fasal 36* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 39(6) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk membuat pengiraan pendapatan larasan orang yang boleh dikenakan cukai yang pada pandangannya bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan yang telah diselaraskan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

31. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 543.

Subfasal 37(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual Pertama Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan cari gali yang layak yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai adalah tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh orang yang boleh dikenakan cukai yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi gagal untuk berbuat demikian, atau sekiranya orang yang boleh dikenakan cukai itu layak untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta.

Subfasal 37(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 13A ke dalam Jadual Pertama Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelarasan kepada perbelanjaan cari gali yang layak bagi suatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah Akta itu kecuali dalam hal pelupusan aset. Dalam keadaan itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

32. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua Akta 543.

Subfasal 38(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 2B ke dalam Jadual Kedua Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang

dan perkhidmatan oleh orang yang boleh dikenakan cukai yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi gagal untuk berbuat demikian, atau sekiranya orang yang boleh dikenakan cukai itu berhak untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta.

Pindaan ini berkuat bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 38(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 40A ke dalam Jadual Kedua Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana bahagian suatu aset yang telah terhenti digunakan bagi maksud suatu perniagaan disebabkan oleh pertukarannya dengan bahagian baru suatu aset hendaklah disifatkan telah dilupuskan di bawah Jadual itu sekiranya bahagian itu disusutnilaikan secara berasingan mengikut prinsip akaun yang diterima umum. Perbelanjaan yang layak bahagian itu akan ditentukan mengikut prinsip akaun yang diterima umum dan perbelanjaan bakian hendaklah dikurangkan dengan amaun daripada elaun permulaan dan elaun tahunan yang dibuat sebelum pelupusan bahagian aset itu.

Pindaan ini berkuat bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 38(c) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 45A ke dalam Jadual Kedua Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelarasan kepada perbelanjaan yang layak bagi suatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada akhir tempoh pelarasan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta itu kecuali dalam hal pelupusan aset. Dalam keadaan itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat.

Pindaan ini berkuat bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

33. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 169 untuk memasukkan takrif “cukai input” dan “cukai output” ke dalam Akta 169 berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 6 dan 7 Jadual 2 Akta 169 berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

34. *Fasal 41* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 29(5) ke dalam Akta 169 untuk menjelaskan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengenakan penalti tambahan di bawah seksyen itu berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran dalam hal borang retan tidak dikemukakan oleh pembayar cukai.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

35. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda Jadual 2 Akta 169.

Subfasal 42(a) bertujuan untuk memasukkan subsubperenggan baru 6(1)(e) ke dalam Jadual 2 Akta 169. Dengan pindaan ini, apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar, berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh seorang pelupus yang tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 atau jika dia adalah orang berdaftar dan tidak berhak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input, hendaklah menjadi sebahagian kos sampingan kepada pemerolehan atau pelupusan suatu aset.

Subfasal 42(b) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baru 7(d) dan (e) ke dalam Jadual 2 Akta 169. Dengan pindaan ini, apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar, berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh seorang pelupus yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal untuk berbuat sedemikian, atau sekiranya dia layak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input, hendaklah dikeluarkan daripada harga pemerolehan atau harga pelupusan suatu aset. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk mengeluarkan daripada harga pemerolehan atau harga pelupusan suatu aset, apa-apa amaun cukai output yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 oleh seseorang jika dia berdaftar atau bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta itu.

Pindaan ini berkuat bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

36. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual 4 Akta 169. Dengan pindaan ini, seseorang yang melupuskan sebahagian aset yang boleh dikenakan cukai boleh menuntut sebahagian daripada pengecualian sebanyak sepuluh ribu ringgit yang dibenarkan di bawah perenggan itu mengikut perkadaran bagi bahagian aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan, sebagaimana yang ditentukan mengikut formula yang diperuntukkan di bawah perenggan itu, atau sepuluh peratus daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan itu, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

37. *Fasal 45* dan *46* bertujuan untuk meminda seksyen 22 dan 22A Akta 445 untuk meluaskan pemakaian peruntukan bagi pertukaran maklumat kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

38. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) Akta 762 bagi meluaskan masa pembekalan perkhidmatan diimport pada masa yang lebih awal dari pembayaran dibuat oleh penerima atau invois dikeluarkan oleh pembekal.

39. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 41(8), (9), (10) dan (11) ke dalam Akta 762 untuk mengenakan penalti jika orang kena cukai gagal membuat bayaran cukai yang genap masa dan kena dibayar. Penalti minimum adalah lima peratus dan sehingga maksimum dua puluh lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar berdasarkan bilangan hari yang lewat.

40. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) dan 43(8) Akta 762 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menilai dan mendapatkan semula amaun cukai yang genap termasuk penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baru 41(8).

41. *Fasal 51* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 51(1A) ke dalam Akta 762 untuk memperuntukkan bahawa amaun penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baru 41(8) akan berhenti dikenakan apabila Ketua Pengarah memberikan kelulusannya bagi pembayaran cukai yang genap masa dan kena dibayar termasuk penalti untuk dibayar secara ansuran.

42. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda subperenggan 69(5)(c)(ii) Akta 762 dalam teks bahasa Inggeris untuk membolehkan pengendali usaha menuntut cukai input ke atas pembekalan bercukai yang diperolehinya.

43. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda subseksyen 70 (1) Akta 762 untuk meluaskan skop skim gudang untuk memasukkan penggantungan cukai ke atas barang-barang yang diimport apabila disimpan di gudang dan tidak mengambil kira bekalan barangan yang dibuat antara gudang.

44. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda subseksyen 86(2) Akta 762 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelupusan hendaklah disokong oleh perakuan yang dinyatakan di bawah subseksyen 105(2) dan bukan subseksyen 112(1).

45. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda perenggan 94(b) Akta 762 untuk menghalang orang yang tidak diberi kuasa untuk memungut penalti di bawah Akta.

46. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 122 Akta 762 untuk membolehkan mahkamah memerintahkan mana-mana orang yang didapati bersalah untuk membayar penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baru 41(8) Akta kerana gagal membuat pembayaran ansuran.

PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

47. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 327 untuk memasukkan takrif “cukai input” dan “cukai output” ke dalam Akta 327 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 29P dan 29Q ke dalam Akta 327 berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

48. *Fasal 59* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29P ke dalam Akta 327 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak yang dilakukan oleh suatu syarikat tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh suatu syarikat yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi telah gagal untuk berbuat demikian, atau sekiranya syarikat itu berhak untuk mengkreditkan amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta.

Fasal 59 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29Q ke dalam Akta 327. Dengan pindaan ini, perbelanjaan modal yang dilakukan oleh suatu syarikat tidak termasuk apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh syarikat yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi gagal untuk berbuat demikian, atau sekiranya syarikat itu berhak untuk mengkredit amaun cukai itu sebagai cukai input di bawah Akta itu. Apa-apa pelarasan kepada perbelanjaan modal berkenaan suatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah Akta itu kecuali dalam hal pelupusan aset. Dalam keadaan itu, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

AM

49. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3011]